

Koh terkejut kenyataan Menteri Pengangkutan

GEORGETOWN: Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, terkejut dengan kenyataan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy yang beliau tidak mengetahui cadangan kerajaan negeri melaksanakan projek transit aliran ringan monorel (LMT).
 Koh berkata, kertas kerja projek bernilai RM1.1 bilion itu sudah dihantar terus kepada Kerajaan Pusat menerusi Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), lebih tiga tahun lalu.
 "Saya difahamkan, perbincangan

mengenai projek ini banyak kali diadakan dan berjalan lancar dengan diwakili pegawai daripada Kementerian Pengangkutan sendiri, dan yang terakhir, pertemuan pada Disember lalu, bagi membincangkan projek itu dan kementerian turut menghantar wakil mereka.
 "Macam mana beliau (Chan) tidak tahu. Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed juga jelas mengenai perkara itu," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar harian berbahasa Cina, kelmarin, yang memetik Chan sebagai berkata beliau tidak diberitahu mengenai projek LMT yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang.
 Chan yang ketika itu menghadiri seminar di Kuala Lumpur dilaporkan berkata, beliau tidak mengetahui mengenai projek berkenaan.
 Sehubungan itu, Koh mahu syarikat yang mengendalikan projek berkenaan supaya menghubungi Chan pada kadar segera untuk memberitahu segala perkembangan ter-

kini projek terbabit.
 "Saya sudah menghubungi ketua pegawai eksekutif syarikat LMT yang berpangkalan di Negeri Sembilan pagi tadi (semalam), supaya memaklumkan kepada Chan perkembangan terkini projek itu. Saya juga cadangkan kepada Chan mendapat maklumat lanjut cadangan projek itu daripada pegawainya," katanya.
 Ditanya perkembangan terkini projek itu, Koh berkata, projek berkenaan kini pada peringkat perbincangan aspek teknikal, selain perbiayaan kewangan.